



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Shamsul Azri, M.R., & Faridah, J. (2025). Hegemoni dan rintangan: Institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia dari perspektif sejarah. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 3(11), 175-194. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2025.3.11>

HEGEMONI DAN RINTANGAN: INSTITUSIONALISASI KESATUAN SEKERJA DI MALAYSIA

(Hegemony and Resistance: The Institutionalization of Trade Unions in Malaysia)

¹Shamsul Azri Mohd Radzi & ²Faridah Jaafar

^{1&2}Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,
Universiti Sains Malaysia

¹*Corresponding author: azri4786@gmail.com*

Received: 9/5/2025

Revised: 7/7/2025

Accepted: 7/7/2025

Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan menganalisis proses institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia dari perspektif sejarah dengan mengaplikasikan kerangka teori hegemoni Antonio Gramsci. Kajian ini meneliti perkembangan gerakan kesatuan sekerja dari zaman kolonial British sehingga pasca-kemerdekaan, dengan memberi tumpuan kepada mekanisme kawalan hegemonik negara dan bentuk-bentuk rintangan yang digunakan oleh gerakan buruh. Melalui analisis kandungan deskriptif terhadap sumber-sumber sekunder, kajian ini mengenal pasti tiga fasa utama institusionalisasi: zaman kolonial yang meletakkan asas sistem kawalan buruh berasaskan kaum, tempoh Darurat (1948-1960) yang mengukuhkan mekanisme perundangan untuk “menjinakkan” kesatuan, dan era pasca-merdeka yang mengintegrasikan kesatuan ke dalam struktur pembangunan negara. Struktur hegemonik yang dibentuk melalui tiga

mekanisme utama: perundangan yang mengehadkan, kawalan birokrasi, dan manipulasi ideologi telah berjaya mengekang potensi gerakan kesatuan sebagai agen perubahan sosial. Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendedahkan pelbagai bentuk rintangan, dari konfrontasi langsung hingga ungkapan budaya yang mengkritik eksploitasi dan menuntut pengiktirafan maruah pekerja. Warisan kolonial yang membentuk struktur perburuhan dan kesatuan sekerja di Malaysia terus mempengaruhi dinamik hubungan antara negara, modal dan buruh, dengan implikasi yang mendalam terhadap keberkesanan perwakilan pekerja dalam sistem yang sedia ada.

Kata kunci: Hegemoni, institusionalisasi, kesatuan sekerja, rintangan, sejarah Malaysia, kolonialisme

ABSTRACT

This paper analyses the institutionalisation process of trade unions in Malaysia from a historical perspective by applying Antonio Gramsci's theoretical framework of hegemony. The study examines the development of the trade union movement from the British colonial era through to post-independence, focusing on the mechanisms of state hegemonic control and the forms of resistance employed by the labour movement. Through descriptive content analysis of secondary sources, this research identifies three main phases of institutionalisation: the colonial period, which established the foundations for a race-based labour control system; the Emergency period (1948-1960), which strengthened legal mechanisms to “domesticate” unions; and the post-independence era, which integrated unions into the national development structure. The hegemonic structure formed through three primary mechanisms: restrictive legislation, bureaucratic control, and ideological manipulation, has successfully constrained the potential of the union movement as an agent of social change. Nevertheless, this study also reveals various forms of resistance, from confrontation to cultural expressions that critique exploitation and demand recognition of workers' dignity. The colonial legacy that shaped Malaysia's labour and trade union structures continues to influence the dynamics between state, capital and labour, with profound implications for the effectiveness of worker representation within the existing system.

Keywords: Colonialism, hegemony, institutionalisation, Malaysian history, resistance, trade unions,

PENGENALAN

Institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia mewakili titik persilangan kritikal antara legasi kolonial, pembinaan negara pasca-merdeka, dan perjuangan berterusan pekerja untuk merealisasikan hak-hak kolektif mereka dalam wajah struktur hegemonik yang mengekang. Perkembangan kesatuan sekerja di Malaysia mencerminkan sejarah kompleks hubungan antara negara, modal, dan buruh yang terbentuk melalui pelbagai fasa sejarah iaitu dari zaman kolonial British, tempoh darurat, hingga era pasca-merdeka. Hubungan ini tidak boleh difahami secara menyeluruh tanpa meneliti proses institusionalisasi yang telah membentuk struktur, fungsi dan keupayaan kesatuan sekerja sebagai perwakilan pekerja. Institusionalisasi

ini berlaku dalam konteks struktur hegemonik yang mengawal dan mengehendkan potensi gerakan buruh sebagai agen perubahan sosial dan politik.

Konsep hegemoni yang diperkenalkan oleh Antonio Gramsci menawarkan kerangka teori yang berguna untuk menganalisis proses institusionalisasi kesatuan sekerja. Gramsci memahami hegemoni sebagai kepemimpinan budaya, ideologi dan moral yang dijalankan oleh kelas pemerintah terhadap kumpulan subordinat, yang beroperasi bukan sahaja melalui paksaan tetapi juga melalui persetujuan yang dibentuk dalam masyarakat sivil. Dalam konteks perhubungan industri, hegemoni merujuk kepada dominasi ideologi dan institusi kelas pemerintah atau aparat negara ke atas organisasi pekerja, terutamanya kesatuan sekerja (Ramasamy & Rowley, 2009).

Di Malaysia, seperti di banyak negara pascakolonial lain, negara telah menggunakan pelbagai alat perundangan, birokrasi, dan ideologi untuk membentuk dan mengawal aktiviti kesatuan sekerja. Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan telah menjadi instrumen utama dalam mengehendkan skop tindakan kesatuan, menyusun struktur organisasi mereka, dan menetapkan parameter penglibatan mereka dalam hubungan industri (Jomo & Todd, 1994). Proses ini telah mengubah kesatuan sekerja daripada organisasi perjuangan kelas kepada entiti yang lebih tersusun dan terbatas dalam kerangka hubungan industri yang ditentukan oleh negara.

Namun, institusionalisasi ini tidak berlaku tanpa rintangan. Pekerja dan kesatuan mereka telah menunjukkan pelbagai bentuk pembangkangan terhadap struktur hegemonik, dari tindakan kolektif seperti mogok dan protes, hingga kepada ungkapan rintangan budaya dan simbolik yang lebih halus. Seperti yang didokumentasikan oleh Zawawi Ibrahim (2022) dalam kajiannya tentang masyarakat perladangan di Terengganu, pekerja sering menggunakan nilai-nilai budaya seperti timbang rasa (empati) dan maruah (harga diri) sebagai asas untuk mengkritik eksploitasi dan menuntut pengiktirafan kemanusiaan mereka.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis proses institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia dari perspektif teori hegemoni dan rintangan, dengan memberi tumpuan khusus kepada dimensi sejarah proses ini. Objektif khusus kajian ini adalah:

1. Mengesan perkembangan sejarah gerakan kesatuan sekerja di Malaysia dari zaman kolonial hingga pasca-merdeka;
2. Menganalisis mekanisme hegemonik yang digunakan oleh pihak kolonial dan negara pasca-merdeka untuk mengawal dan menginstitusikan kesatuan sekerja;
3. Mengenal pasti bentuk-bentuk rintangan yang digunakan oleh pekerja dan kesatuan sekerja terhadap struktur hegemonik;
4. Menilai implikasi proses institusionalisasi terhadap keberkesanan kesatuan sekerja sebagai perwakilan kepentingan pekerja; dan
5. Meneliti bagaimana warisan kolonial terus mempengaruhi perhubungan perusahaan dan operasi kesatuan sekerja kontemporari di Malaysia.

Signifikasi kajian ini terletak pada sumbangannya terhadap pemahaman yang lebih mendalam tentang dinamik hubungan kuasa antara negara dan gerakan buruh dalam konteks sejarah Malaysia. Dengan menggunakan kerangka teori hegemoni Gramsci, kajian ini menawarkan perspektif kritikal terhadap proses institusionalisasi yang telah membentuk landskap kesatuan sekerja di Malaysia. Analisis ini penting untuk memahami bukan sahaja sejarah gerakan buruh, tetapi juga struktur kuasa yang lebih luas yang membentuk hubungan antara negara, modal dan pekerja dalam konteks Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan deskriptif, khususnya terhadap sumber-sumber sekunder berkaitan sejarah institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia. Pendekatan ini dipilih kerana keupayaannya dalam menangani fenomena sejarah yang kompleks serta mempunyai pelbagai dimensi, terutamanya dalam meneliti proses institusionalisasi dan hubungan kuasa yang wujud di antara negara, modal, dan buruh.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah bersifat historiografi kritikal, iaitu satu pendekatan dalam penyelidikan sejarah yang tidak sekadar menggambarkan peristiwa-peristiwa lalu tetapi juga memberikan penekanan kepada analisis konteks sosial, budaya, politik dan ekonomi yang mendasarinya (Gunn & Faire, 2012). Pendekatan ini juga membolehkan penilaian secara kritikal terhadap perkembangan sejarah kesatuan sekerja, melalui perspektif teori hegemoni dan rintangan Antonio Gramsci. Historiografi kritikal dipilih untuk memastikan interpretasi yang lebih menyeluruh tentang implikasi proses institusionalisasi yang berlaku.

Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan sumber-sumber sekunder yang relevan bagi memastikan analisis mendalam dapat dilakukan. Sumber-sumber ini terdiri daripada:

1. Kajian akademik terdahulu yang berbentuk buku, artikel jurnal, dan tesis yang mengupas perkembangan sejarah kesatuan sekerja dan hubungan industri di Malaysia;
2. Dokumen rasmi yang relevan termasuklah dokumen undang-undang seperti Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan yang mencerminkan kawalan negara terhadap kesatuan sekerja.
3. Kajian khusus tentang polisi kerajaan, perundangan buruh, dan laporan-laporan institusi yang berkaitan dengan pergerakan buruh.
4. Penerbitan ilmiah terkini yang menangani sejarah buruh, perhubungan perusahaan, dan gerakan sosial di Asia Tenggara.

Proses pemilihan sumber ini dilakukan secara sistematik dengan kriteria kesesuaian, autoriti, dan relevansi dengan fokus kajian. Pemilihan sumber juga mengambil kira aspek kesejarahan yang memerlukan keabsahan fakta melalui dokumen-dokumen yang sah (Muhd. Yusof Ibrahim, 2016).

Analisis Data

Analisis data dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan deskriptif, iaitu proses meneliti, menginterpretasi dan merumuskan kandungan daripada sumber-sumber terpilih secara kritikal. Dalam proses ini, data dianalisis dengan menumpukan kepada tema-tema utama seperti mekanisme hegemonik, bentuk-bentuk rintangan, serta implikasi institusionalisasi terhadap keberkesanan kesatuan sekerja sebagai perwakilan pekerja.

Kaedah ini memerlukan proses interpretasi dan penghayatan dokumen secara kritikal dengan mengambil kira konteks sejarah serta tujuan asal dokumen tersebut dihasilkan. Sejarawan bertanggungjawab bukan sekadar memilih fakta tetapi turut menganalisis dan menginterpretasi data untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang fenomena yang dikaji (Muhd. Yusof Ibrahim, 2016).

Etika Kajian

Kajian ini mematuhi prinsip etika penyelidikan sejarah, terutamanya dalam memastikan ketepatan dan kesahihan data yang digunakan. Sumber-sumber sekunder yang dipilih adalah hasil penyelidikan terdahulu yang telah melalui proses semakan dan penerbitan akademik, sekali gus memastikan kredibiliti analisis yang dijalankan. Interpretasi dan analisis data juga dilakukan secara objektif dan bertanggungjawab bagi menjaga integriti akademik kajian ini (Gunn & Faire, 2012).

Pendekatan yang dijelaskan di atas memastikan bahawa kajian ini bukan sahaja memaparkan naratif sejarah institusionalisasi kesatuan sekerja tetapi juga menganalisis secara kritikal mekanisme hegemonik dan dinamik rintangan yang terlibat dalam sejarah perkembangan gerakan buruh di Malaysia.

PENEMUAN UTAMA

Kerangka Teori: Hegemoni, Rintangan, dan Institusionalisasi

Kerangka Gramscian membolehkan kita mengenali kesatuan sekerja bukan hanya sebagai organisasi perwakilan ekonomi, tetapi sebagai medan pertarungan di mana konflik ideologi tentang kuasa, keadilan dan pembangunan nasional dimainkan dalam ungkapan material dan simbolik. Menurut Gramsci, hegemoni merangkumi kepemimpinan budaya, ideologi, dan moral yang dijalankan oleh kelas pemerintah terhadap kumpulan subordinat, yang melampaui kawalan politik dan ekonomi semata-mata. Hegemoni beroperasi melalui gabungan persetujuan dan paksaan, dengan persetujuan dibentuk melalui kepemimpinan kelas dominan dalam masyarakat sivil (Gramsci, 1971).

Dalam konteks perhubungan industri Malaysia, hegemoni merujuk kepada dominasi ideologi dan institusi kelas pemerintah atau aparat negara ke atas organisasi pekerja, terutamanya kesatuan sekerja. Di banyak negara Asia, termasuk Malaysia, negara telah menggunakan alat perundangan dan birokrasi untuk membentuk tingkah laku kesatuan dan menghadkan politik

oposisi. Ini jelas kelihatan dalam Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan Malaysia, yang secara struktural menghadkan kesatuan pada tahap perusahaan, menghalang mereka daripada memperoleh kuasa politik yang lebih luas (Jomo & Todd, 1994).

Institusionalisasi pula merujuk kepada penyerapan formal kesatuan sekerja ke dalam struktur negara dan korporat. Bukannya bertindak sebagai organ bebas perwakilan pekerja, banyak kesatuan di Asia telah dibentuk semula menjadi alat kestabilan industri. Ini dicontohkan oleh penggunaan kesatuan dalaman oleh negara Malaysia di bawah Dasar Pandang ke Timur Mahathir, yang menyelaraskan kesatuan dengan kepentingan majikan dan kesatuan perusahaan gaya Jepun (Ramasamy & Rowley, 2009).

Dari segi rintangan, Gramsci memahaminya sebagai perjuangan melawan struktur hegemonik yang boleh mengambil pelbagai bentuk, dari konfrontasi langsung hingga ke strategi ideologi dan budaya. Dalam konteks kesatuan sekerja, rintangan ini boleh merangkumi tindakan kolektif seperti mogok dan protes, penggunaan saluran perundangan dan birokrasi, hingga ke bentuk-bentuk rintangan sehari-hari yang lebih halus yang mencabar logik dan nilai-nilai sistem dominan (Gramsci, 1971).

Zawawi Ibrahim (2022) dalam kajiannya terhadap masyarakat perladangan di Terengganu mendedahkan bentuk-bentuk rintangan budaya yang digunakan oleh pekerja untuk menentang eksploitasi dan menuntut pengiktirafan maruah mereka. Pekerja menggunakan nilai-nilai seperti timbang rasa (empati) dan maruah (harga diri) sebagai asas moral untuk mengkritik sistem yang meminggirkan dan merendahkan mereka. Walaupun menduduki posisi subordinat, pekerja menunjukkan rintangan melalui ungkapan budaya yang menekankan maruah dan empati, mengkritik eksploitasi mereka secara linguistik dan moral.

Fasa Kolonial: Pembentukan Struktur Buruh Berasaskan Kaum

Struktur perburuhan yang direka oleh pihak kolonial British merupakan manifestasi terang strategi “pecah dan perintah” yang menjadikan pemisahan etnik bukan sekadar akibat sampingan tetapi alat kawalan sosial yang dirancang dengan teliti. Transformasi ekonomi yang dibawa oleh penjajah British, terutamanya melalui pengembangan perladangan getah dan perlombongan bijih timah, mewujudkan keperluan untuk tenaga buruh berskala besar yang telah dipenuhi sebahagian besarnya melalui pengimportan pekerja dari China, India, dan kepulauan Nusantara.

Gareth Knapman dalam kajiannya tentang pentadbiran kolonial British di Asia Tenggara menjelaskan bahawa sistem perburuhan di Malaya dibentuk oleh ideologi perkauman yang dibawa oleh pegawai-pegawai kolonial seperti John Crawfurd. Walaupun Crawfurd memperjuangkan beberapa reformasi liberal seperti kesamarataan di hadapan undang-undang dan hak mengundi universal, usahanya sering berhadapan dengan rintangan besar dari sistem kolonial yang lebih cenderung kepada model paternalistik dan kawalan berasaskan perbezaan kaum (Knapman, 2017)

Khairudin Aljunied (2024) mendedahkan bagaimana kawalan hegemonik kolonial British tidak hanya beroperasi melalui paksaan tetapi juga melalui persetujuan yang ditadbir. Pengenalan undang-undang, percukaian, dan sistem pentadbiran yang mentakrifkan semula

kedaulatan tempatan dan mengganggu struktur Melayu tradisional mencerminkan strategi hegemoni kawalan. Contohnya, pengenalan sistem Residen di Perak selepas Perjanjian Pangkor pada 1874 melucutkan sultan dan ketua Melayu daripada kuasa tulen, menjadikan mereka boneka sementara pegawai British menjalankan kuasa sebenar.

Sistem perburuan yang dibentuk oleh pihak kolonial secara sedar memisahkan pekerja mengikut garis etnik, dengan pekerja Cina dikhaskan untuk sektor perlombongan, pekerja India dalam perladangan getah, dan orang Melayu terutamanya dalam sektor pertanian sara diri dan pentadbiran bawahan. Pembahagian perburuan berasaskan kaum ini bukan sahaja memenuhi keperluan ekonomi kolonial tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial yang menghalang pembentukan kesedaran kelas yang merentasi batas etnik.

Perkembangan awal gerakan kesatuan sekerja di Malaya mencerminkan pembahagian etnik ini. Pada 1920-an dan 1930-an, organisasi pekerja sering terbentuk mengikut garis etnik dan komunal, dengan pekerja Cina mengorganisasi melalui persatuan rahsia dan dialek, manakala pekerja India mengorganisasi berdasarkan afiliasi kaum dan kasta. Organisasi-organisasi ini terutamanya tertumpu pada isu-isu khusus komuniti mereka, walaupun terdapat beberapa usaha untuk membentuk solidariti merentasi batas etnik, terutamanya oleh aktivis berhaluan kiri.

Pihak kolonial British menggunakan pelbagai mekanisme untuk mengawal gerakan buruh yang sedang berkembang. Undang-undang seperti Enakmen Kesatuan Sekerja 1940 mewujudkan rangka kerja perundangan pertama untuk aktiviti kesatuan, tetapi dengan kawalan ketat oleh pihak berkuasa kolonial. Enakmen ini mengenakan prosedur pendaftaran yang ketat dan memberikan kuasa budi bicara yang luas kepada pegawai pendaftar untuk menolak pendaftaran kesatuan yang dianggap tidak sesuai. Sistem ini membolehkan pihak kolonial untuk membezakan antara kesatuan “bertanggungjawab” yang boleh diterima dan kesatuan “radikal” yang perlu dikawal.

Tempoh selepas Perang Dunia Kedua menyaksikan peningkatan aktivisme buruh dan radikalisasi politik dalam masyarakat Malaya. Kesatuan-kesatuan yang berafiliasi dengan Pan-Malayan General Labour Union (PMGLU) dan kemudiannya Pan-Malayan Federation of Trade Unions (PMFTU) mula mengorganisasi tindakan industri berskala besar dan menuntut perubahan struktural dalam hubungan perburuan. Perkembangan ini dilihat dengan kebimbangan oleh pihak kolonial yang kemudiannya mengambil tindakan tegas untuk membataskan pergerakan ini, yang akhirnya membawa kepada pengisytiharan Darurat pada tahun 1948.

Tempoh Darurat: Penindasan dan Pengawalseliaan Kesatuan Sekerja

Pengisytiharan Darurat menandakan peralihan dari kawalan perburuan berasaskan eksploitasi ekonomi semata-mata kepada strategi komprehensif yang mengintegrasikan kuasa paksaan negara dengan pembentukan “kesatuan jinak” yang berfungsi sebagai alat untuk menyerap dan meneutralkan potensi radikal gerakan buruh. Pengisytiharan Darurat (1948-1960) menandakan titik perubahan penting dalam sejarah kesatuan sekerja Malaysia. Dengan alasan menentang ancaman komunis, pihak kolonial British melancarkan tindakan keras terhadap kesatuan yang dianggap berkaitan dengan Parti Komunis Malaya (PKM). Banyak

kesatuan yang dipimpin oleh aktivis kiri diharamkan, pemimpin mereka ditahan atau dipaksa bergerak di bawah tanah, dan struktur organisasi mereka dihancurkan.

Pada masa yang sama, pihak kolonial memperkenalkan rangka kerja perundangan baru untuk mengawal dan menyusun semula gerakan kesatuan sekerja. Menurut kajian oleh Jomo K.S. dan Patricia Todd, kerajaan kolonial Malaya menjalankan proses sistematik untuk “menjinakkan” gerakan kesatuan sekerja, dengan menyingkirkan elemen “militan” dan menggantikannya dengan pemimpin yang lebih “sederhana” dan bekerjasama dengan pihak berkuasa (Jomo & Todd, 1994).

Untuk tujuan ini, perundangan baru seperti Ordinan Kesatuan Sekerja 1948 dan Ordinan Pertikaian Perdagangan 1949 diperkenalkan, yang mewujudkan kawalan ketat ke atas pembentukan dan operasi kesatuan sekerja. Undang-undang ini mengenakan prosedur pendaftaran yang lebih ketat, mengehadkan skop tindakan industri, dan memberikan kuasa yang lebih besar kepada pihak berkuasa untuk campur tangan dalam urusan kesatuan. Sistem ini membolehkan pihak kolonial untuk menyingkirkan pemimpin kesatuan yang dianggap radikal dan menggantikan mereka dengan individu yang lebih "sederhana" dan sanggup bekerjasama.

Penubuhan Kongres Kesatuan Sekerja Malaya (MTUC) pada tahun 1949 mencerminkan strategi ini. MTUC dibentuk dengan sokongan pihak kolonial sebagai alternatif “sederhana” kepada PMFTU yang telah diharamkan. Ia berfungsi sebagai badan koordinasi dan bukannya kesatuan induk, yang menyekat keupayaannya untuk mengorganisasi tindakan industri secara langsung. Melalui MTUC, pihak kolonial berusaha untuk mengarahkan gerakan kesatuan sekerja ke arah kerjasama dalam hubungan industri daripada perjuangan kelas dan politik.

Proses “penjinakan” ini juga merangkumi usaha-usaha untuk menstrukturkan semula gerakan kesatuan sekerja mengikut model industri berbanding model kesatuan umum. Kesatuan-kesatuan didorong untuk mengorganisasi mengikut sektor industri tertentu, yang memecahkan solidariti pekerja merentas industri dan memudahkan kawalan oleh pihak berkuasa. Model ini juga menggalakkan fokus ke atas isu-isu tempat kerja yang sempit seperti upah dan syarat kerja, berbanding tuntutan politik yang lebih luas.

Impak tempoh Darurat terhadap gerakan kesatuan sekerja di Malaya sangat mendalam dan jangka panjang. Ia bukan sahaja menghapuskan pemimpin dan organisasi yang lebih radikal, tetapi juga mewujudkan rangka kerja perundangan dan institusi yang terus mengawal aktiviti kesatuan sekerja sehingga hari ini. Seperti yang diperhatikan oleh Durrishah Idrus dan Abd Rahman Tamuri (2022), proses “menjinakkan” ini meletakkan asas bagi pembentukan “institusi jinak” dalam pergerakan buruh Malaysia, di mana kesatuan dibenarkan wujud tetapi dalam lingkungan birokrasi dan ideologi yang ditentukan oleh negara (Durrishah Idrus & Abd Rahman, 2022)

Era Pasca-Merdeka: Kesatuan Sekerja dan Pembangunan Negara

Paradoks pasca-kemerdekaan terletak pada pengekalan dan penghalusan mekanisme kawalan buruh kolonial oleh negara baharu yang mengisytiharkan pembebasan, namun tetap memandang autonomi kesatuan sekerja sebagai ancaman kepada kepentingan pembangunan

nasional yang didefinisikan oleh elit politik. Tempoh pasca-merdeka menyaksikan pengukuhan dan pengembangan rangka kerja institusi dan perundangan yang membendung gerakan kesatuan sekerja. Kerajaan Perikatan yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman sebahagian besarnya mengekalkan struktur kawalan yang diwarisi dari pentadbiran kolonial, sambil menyesuaikan dengan keperluan ekonomi dan politik negara yang baru merdeka.

Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan kemudiannya Akta Perhubungan Perusahaan 1967 menyediakan kerangka perundangan yang komprehensif untuk mengawal aktiviti kesatuan. Akta-akta ini mengekalkan prosedur pendaftaran yang ketat, mengehadkan jenis-jenis pekerja yang boleh menyertai kesatuan, menghadkan skop tindakan industri, dan memberikan kuasa budi bicara yang luas kepada pegawai kerajaan untuk mengawal selia urusan kesatuan. Sistem ini secara berkesan mengehadkan autonomi kesatuan dan menintegrasikan mereka ke dalam struktur hubungan industri yang dikawal oleh negara.

Dalam era ini, kesatuan sekerja semakin dilihat sebagai rakan dalam usaha pembangunan negara daripada agen perubahan politik. Kerajaan menggalakkan apa yang mereka istilahkan sebagai kesatuanisme yang “bertanggungjawab” yang memberikan keutamaan kepada pertumbuhan ekonomi, produktiviti, dan kestabilan sosial berbanding konflik kelas atau tuntutan politik. Model ini selari dengan strategi ekonomi kerajaan yang lebih luas yang menekankan industrialisasi, pelaburan asing, dan pembinaan negara.

Dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan selepas peristiwa 13 Mei 1969 turut mempengaruhi perkembangan kesatuan sekerja. DEB menyasarkan penstrukturan semula ekonomi untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera, memasukkan dimensi etnik secara eksplisit ke dalam dasar ekonomi. Dalam konteks hubungan industri, ini bermakna kawalan yang lebih ketat ke atas kesatuan yang dianggap boleh mengancam matlamat DEB, terutamanya dalam sektor-sektor yang didasarkan untuk penyertaan Bumiputera.

Pentadbiran Dr Mahathir Mohamad (1981-2003) menandakan peningkatan dalam kawalan negara ke atas kesatuan sekerja. Mahathir melihat kesatuan yang bebas sebagai potensi penghalang kepada strategi pembangunannya, dan mengambil pendekatan yang lebih tegas terhadap aktivisme buruh. Ini diilustrasikan oleh tindakan kerajaan menahan pemimpin kesatuan Pekerja-Pekerja Sistem Penerbangan Malaysia (“Malaysian Airline System Employees Union”) yang mengambil tindakan perusahaan pada tahun 1979 (Durrishah & Abd Rahman, 2022). Mahathir juga memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur yang menggalakkan penggunaan model kesatuanisme Jepun yang menekankan kerjasama pekerja-majikan dan kesatuan dalaman yang berorientasikan syarikat.

Dasar-dasar liberalisasi ekonomi dan perindustrian berasaskan eksport yang diperkenalkan pada 1980-an dan 1990-an turut membawa cabaran baru kepada gerakan kesatuan sekerja. Kerajaan, bimbang bahawa kesatuan yang kuat akan menghalang pelaburan asing, sering enggan mengiktiraf kesatuan dalam sektor pembuatan berorientasikan eksport, terutamanya elektronik. Ini mencerminkan yang dijelaskan oleh Khoo (2006), di mana Malaysia menggunakan bahasa neoliberalisme seperti kecekapan, daya saing, dan liberalisasi, sambil mengekalkan status quo politik melalui perlindungan terhadap firma berkaitan elit daripada disiplin pasaran.

Mekanisme Hegemoni: Perundangan, Birokrasi, dan Ideologi

Kecekapan sistem hegemonik di Malaysia terletak pada kemampuannya untuk beroperasi bukan hanya melalui sekatan perundangan yang jelas, tetapi melalui penerapan halus logik “pembangunan bertanggungjawab” yang menjadikan tuntutan untuk hak pekerja yang lebih luas kelihatan sebagai tidak patriotik dan mengganggu stabiliti. Proses institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia dicapai melalui tiga mekanisme hegemonik utama yang beroperasi secara bersepadu untuk mengawal dan mengehadkan potensi gerakan buruh:

1. **Kawalan Perundangan:** Melalui undang-undang seperti Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan, negara telah mewujudkan rangka kerja perundangan yang ketat untuk mengawal aktiviti kesatuan. Undang-undang ini mengawal aspek-aspek seperti pendaftaran kesatuan, keanggotaan, pembiayaan, dan tindakan perusahaan. Ia juga menyediakan asas perundangan untuk campur tangan negara dalam hal-ehwal kesatuan yang dianggap melanggar peraturan atau mengancam keselamatan negara. Khususnya, sekatan terhadap kesatuan politik, halangan terhadap kesatuan umum, dan prosedur penyelesaian pertikaian yang kompleks telah berfungsi untuk mengehadkan keberkesanan kesatuan sebagai alat mobilisasi politik.
2. **Kawalan Birokrasi:** Negara melaksanakan kawalan melalui infrastruktur birokrasi yang luas yang merangkumi Jabatan Kesatuan Sekerja, Kementerian Sumber Manusia, dan Mahkamah Perusahaan. Jabatan Kesatuan Sekerja mempunyai kuasa budi bicara yang luas untuk menafsir dan menguatkuasakan peraturan yang mengawal kesatuan, termasuk keputusan tentang pendaftaran, penggantungan, dan pembubaran kesatuan. Mahkamah Perusahaan pula berfungsi sebagai mekanisme untuk menyelesaikan pertikaian industri melalui proses yang birokratik dan berpanjangan yang sering menguntungkan majikan. Kawalan birokrasi ini menambah lapisan kerumitan dan kelewatan kepada aktiviti kesatuan, mengehadkan keberkesanan mereka dalam tindak balas terhadap isu-isu buruh.
3. **Kawalan Ideologi:** Seperti yang ditekankan oleh Gramsci, hegemoni beroperasi bukan sahaja melalui paksaan tetapi juga melalui pembentukan persetujuan dalam masyarakat sivil. Di Malaysia, negara telah menggunakan pelbagai saluran ideologi, termasuk sistem pendidikan, media, dan wacana rasmi, untuk mempromosikan naratif tentang pembangunan ekonomi, kestabilan sosial, dan perpaduan nasional yang menekankan kerjasama berbanding konflik kelas. Dalam naratif ini, kesatuan sekerja yang “bertanggungjawab” digambarkan sebagai rakan dalam pembangunan negara, manakala aktivisme buruh yang lebih radikal dilihat sebagai ancaman kepada kepentingan nasional. Wacana ini telah berjaya membentuk persepsi awam tentang kesatuan dan mengehadkan ruang untuk wacana alternatif tentang hak pekerja dan keadilan sosial.

Zawawi (2022) dalam kajiannya mengenai perladangan di Terengganu menggambarkan bagaimana kawalan hegemonik beroperasi pada tahap mikro. Beliau mendokumentasikan bagaimana pengurusan perladangan secara eksplisit melarang interaksi sosial antara pegawai (penyelia) dan pekerja, dasar yang direka untuk menghalang pembentukan ikatan empati yang mungkin melemahkan autoriti pengurusan. Seperti yang dinyatakan oleh seorang pegawai, “Kami tidak dibenarkan melawat kongsi. Kami tidak dibenarkan menerima pekerja yang melawat kami di kuarters kami... [jika] kakitangan terlalu mesra dengan pekerja, mereka tidak akan dapat mengawal pekerja”.

Ketiga-tiga mekanisme hegemonik ini beroperasi secara bersepadu untuk membentuk “institusi jinak” kesatuan sekerja yang beroperasi dalam parameter yang ditentukan oleh negara. Melalui gabungan kawalan perundangan, birokrasi, dan ideologi, negara telah berjaya membendung potensi gerakan kesatuan sekerja sebagai cabaran terhadap status quo politik dan ekonomi.

Bentuk-bentuk Rintangan: Dari Konfrontasi ke Ungkapan Budaya

Rintangan buruh di Malaysia mempamerkan dualisme penting iaitu keupayaan pekerja untuk menggerakkan taktik perlawanan formal melalui saluran institusi sambil membangunkan repertoire rintangan simbolik yang melanggar logik hegemonik tanpa mencetuskan tindak balas paksaan secara langsung dari negara. Walaupun berhadapan dengan struktur hegemonik yang kuat, pekerja dan kesatuan mereka telah menunjukkan pelbagai bentuk rintangan terhadap kawalan negara dan eksploitasi modal. Rintangan ini berkisar dari strategi konfrontasi langsung hingga ke bentuk-bentuk penentangan sehari-hari yang lebih halus dan simbolik.

Bentuk rintangan yang paling jelas adalah melalui tindakan industri kolektif seperti mogok, piket, dan protes. Walaupun undang-undang Malaysia meletakkan sekatan ketat terhadap mogok, terdapat beberapa tempoh peningkatan militansi buruh, terutamanya pada 1960-an awal dan 1970-an. Misalnya, pada tahun 1962, Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang mengorganisasi mogok besar-besaran yang melibatkan hampir 300,000 pekerja ladang. Demikian juga, pada 1970-an, pekerja di sektor pembuatan, terutamanya wanita dalam industri elektronik, terlibat dalam beberapa pertikaian buruh yang signifikan.

Kesatuan sekerja juga menggunakan saluran institusi dan perundangan untuk mencabar kawalan negara. Melalui penglibatan dalam rundingan kolektif, penggunaan Mahkamah Perusahaan, dan lobi untuk perubahan undang-undang, kesatuan telah cuba mencapai kemajuan inkremental dalam lingkungan sistem yang ada. Misalnya, MTUC telah berkempen secara konsisten untuk perubahan dalam Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan, walaupun dengan kejayaan yang terhad.

Pada peringkat politik, kesatuan sekerja telah berusaha untuk membentuk aliansi dengan parti-parti oposisi untuk mempromosikan agenda reformasi perburuhan. Pada 1960-an, terdapat hubungan yang erat antara beberapa pemimpin kesatuan dan Parti Buruh Malaya, yang memberikan suara politik kepada kepentingan pekerja. Walau bagaimanapun, penstrukturan semula lanskap politik selepas 1969 dan penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap aktivis buruh telah menghadkan keberkesanan strategi ini.

Satu bentuk rintangan yang sering diabaikan tetapi signifikan adalah rintangan budaya dan simbolik yang digunakan oleh pekerja dalam kehidupan seharian mereka. Zawawi (2022) mendokumentasikan bagaimana pekerja perladangan di Terengganu menggunakan pelbagai strategi untuk mengekalkan harga diri mereka dan mengkritik sistem yang mengeksploitasi mereka. Satu bentuk rintangan yang kuat adalah apa yang boleh disebut sebagai “rintangan senyap” yang diungkapkan bukan melalui konfrontasi langsung tetapi melalui kritikan moral, sarkasme, dan ungkapan simbolik.

Satu contoh adalah bagaimana pekerja menyongsangkan akronim “TDMB” iaitu syarikat perladangan - yang bermaksud “*tahan duduk makan berak*”, secara literal “cukup untuk hidup, makan, dan membuang hajat” (Zawawi, 2022). Tindakan penamaan semula ini mencerminkan kesedaran akut pekerja tentang keadaan eksploitasi mereka dan penggunaan humor dan bahasa untuk menghadapi dan memprotes terhadap penyahmanusiaan kerja mereka.

Pekerja juga menggunakan konsep nilai budaya seperti timbang rasa (empati) sebagai asas moral untuk mengkritik layanan tidak peribadi dan eksploitatif yang mereka terima. Pegawai yang bertindak dengan belas kasihan dianggap mempunyai timbang rasa, dan dilihat sebagai adil. Sebaliknya, mereka yang menguatkuasakan autoriti tanpa empati dilihat sebagai eksploitatif dan tidak sah secara moral (Zawawi, 2022). Dengan cara ini, timbang rasa menjadi senjata moral yang digunakan oleh pekerja untuk mengkritik autoriti dan menegaskan semula standard keadilan yang berasaskan nilai-nilai budaya Melayu.

Penekanan proletarian terhadap maruah (harga diri) juga menjadi asas penting untuk rintangan. Pekerja sering menggambarkan pengalaman mereka melalui metafora yang merendahkan: “*Kami seperti lembu syarikat*” (“lembu kompeni”) atau mereka dilayan sebagai komoditi yakni “dilepaskan di padang selama 8 jam sehari” (Zawawi, 2022). Ungkapan-ungkapan ini mencerminkan kemarahan moral yang mendalam, menunjukkan bahawa perjuangan bukan semata-mata untuk upah yang lebih baik tetapi juga untuk pengiktirafan kemanusiaan mereka.

Bentuk-bentuk rintangan ini, walaupun sering diabaikan dalam analisis perhubungan perusahaan konvensional, mewakili cabaran penting terhadap struktur hegemonik negara dan modal. Mereka mendedahkan bahawa walaupun institusionalisasi kesatuan sekerja telah berjaya mengawal dan membendung gerakan buruh formal, keupayaan pekerja untuk mengkritik dan menentang eksploitasi mereka tidak pernah dinafikan sepenuhnya.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Warisan Kolonial dalam Institusionalisasi Kesatuan Sekerja

Pelanggengan struktur buruh berasaskan etnik dalam Malaysia pasca-kolonial bukan sekadar relik sejarah tetapi mekanisme kawalan sosial yang dikekalkan kerana keberkesanannya dalam menghalang pembentukan kesedaran kelas yang merentasi batas kaum. Proses institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia tidak boleh difahami sepenuhnya tanpa mengambil kira legasi kolonial yang mendalam. Struktur undang-undang, birokrasi, dan ideologi yang mengawal hubungan buruh-negara hari ini mempunyai akar dalam strategi kolonial British untuk mengawal tenaga kerja dan mengekalkan kestabilan sosial.

Latar belakang asal gerakan kesatuan sekerja di Malaysia tertanam dalam struktur ekonomi kolonial, di mana pembahagian buruh berasaskan etnik membentuk asas perhubungan industri. Zawawi (2022) dalam kajiannya mencatat pengaruh warisan kolonial terhadap tadbir urus buruh, membentuk kawalan hierarki dan dinamik perkauman, yang memecahbelahkan kesedaran pekerja dan mengekang pembangunan awal kesatuan sekerja, meninggalkan pekerja terpinggir namun secara simbolik dikaitkan dengan naratif nasionalis.

Knapman (2017) dalam analisisnya tentang pentadbiran kolonial British di Asia Tenggara menjelaskan bagaimana ideologi perkauman yang dikembangkan oleh pegawai-pegawai seperti John Crawfurd membentuk asas untuk struktur perhubungan industri di Malaya kolonial. Walaupun Crawfurd cuba melaksanakan beberapa reformasi liberal di Singapura, usahanya sering dihadkan oleh kerangka kolonial yang lebih luas yang mengutamakan kawalan berasaskan perbezaan perkauman. Legasi pendekatan ini dapat dilihat dalam pengasingan etnik yang berterusan dalam struktur pekerjaan di Malaysia dan fragmentasi gerakan kesatuan sekerja sepanjang garis etnik.

Peraturan perburuhan kolonial direka khusus untuk mengekalkan hierarki perkauman dalam ekonomi yang memperuntukkan peranan ekonomi khusus kepada kumpulan etnik yang berbeza. Sistem ini bertujuan untuk memaksimumkan pengekstrakan sumber sambil meminimumkan gangguan sosial, dan kesatuan sekerja dilihat sebagai ancaman potensial terhadap kedua-dua objektif ini. Oleh itu, rangka kerja perundangan yang diwujudkan untuk mengawal kesatuan semasa tempoh kolonial dan Darurat memberi tumpuan kepada pengawalan dan pemantauan berbanding perlindungan hak pekerja.

Tempoh Darurat (1948-1960) adalah masa yang sangat penting dalam pembentukan struktur kawalan ke atas kesatuan sekerja. Menggunakan ancaman komunis sebagai justifikasi, pentadbiran kolonial memperkenalkan rangka kerja perundangan yang ketat untuk mengawal dan “menjinakkan” gerakan buruh. Strategi ini termasuk pengharaman kesatuan yang dianggap radikal, penahanan pemimpin buruh kiri, dan penggalakan kesatuan “sederhana” yang bekerjasama dengan pihak berkuasa. Model “tripartisme” yang diperkenalkan pada masa ini, di mana kerajaan, majikan, dan kesatuan berunding dalam kerangka yang ditentukan oleh negara, terus membentuk asas perhubungan industri di Malaysia hingga ke hari ini.

Yang penting, institusionalisasi kesatuan sekerja oleh negara pasca-merdeka dalam banyak cara mereplikasi dan menyesuaikan model kolonial untuk keperluan baru. Konsep sistem kesatuan yang dikawal ketat, penggunaan badan perundingan tripartit, dan penekanan pada kesatuan yang “bertanggungjawab” semuanya diwarisi dari pentadbiran kolonial. Malah, Akta Kesatuan Sekerja 1959 yang diperkenalkan oleh kerajaan Perikatan pada dasarnya adalah versi yang dikemas kini dari Ordinan Kesatuan Sekerja 1948 kolonial.

Satu ciri penting dalam legasi kolonial adalah dikotomi antara aktiviti ekonomi yang dibenarkan dan aktiviti politik yang dilarang yang merupakan ciri utama dasar buruh kolonial. Di bawah pentadbiran kolonial, kesatuan dibenarkan untuk menangani isu-isu tempat kerja yang sempit seperti upah dan syarat kerja, tetapi dihalang daripada terlibat dalam politik anti-kolonial yang lebih luas. Dikotomi ini dikekalkan dan diperkukuhkan oleh negara pasca-merdeka, yang terus menghalang penglibatan kesatuan dalam politik, sekaligus mengehadkan potensi mereka sebagai agen perubahan sosial dan politik.

Warisan kolonial juga boleh dilihat dalam pengintegrasian berterusan struktur buruh berasaskan kaum. Walaupun bahasa eksplisit perkauman telah hilang dari dasar rasmi, struktur ekonomi yang diwarisi dari tempoh kolonial terus mengekalkan pola diskriminasi dan stratifikasi dalam pasaran buruh. Ini seterusnya mempengaruhi corak pembangunan kesatuan sekerja, dengan kesatuan sering beroperasi dalam konteks yang masih berseghmen mengikut garis etnik dan sektor.

Sebagai kesimpulan, memahami warisan kolonial dalam institusionalisasi kesatuan sekerja adalah penting untuk menjelaskan struktur dan dinamik perhubungan industri kontemporari di Malaysia. Ia mendedahkan bagaimana mekanisme kawalan semasa bukanlah ciptaan baharu tetapi perkembangan dari strategi yang digunakan oleh penjajah untuk mengawal tenaga kerja dan mengekalkan struktur kuasa kolonial. Kesenambungan sejarah ini menunjukkan bagaimana kawalan hegemonik ke atas kesatuan sekerja telah disesuaikan dan dikekalkan melalui pelbagai tempoh sejarah, dari kolonialisme ke negara pasca-merdeka.

Kesatuan Sekerja dan Teori Hegemoni Gramsci

Analisis institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia melalui lensa teori hegemoni Gramsci menyediakan pandangan mendalam tentang mekanisme pengawalan negara yang kompleks terhadap gerakan buruh. Gramsci memahami hegemoni sebagai gabungan paksaan dan persetujuan, di mana kelas dominan menggunakan bukan sahaja kuasa negara tetapi juga institusi masyarakat sivil untuk mengekalkan dominasi mereka. Dalam konteks ini, kesatuan sekerja berada dalam posisi paradoks sebagai institusi masyarakat sivil yang berpotensi menjadi kenderaan suara pekerja tetapi juga sebagai mekanisme untuk menyerap dan mengawal pembangkangan.

Di Malaysia, proses institusionalisasi telah mengubah kesatuan sekerja daripada organisasi perjuangan kelas kepada sebahagian daripada rangkaian kawalan hegemonik. Melalui gabungan undang-undang yang mengehadkan, birokrasi yang mengawal, dan manipulasi ideologi, negara telah berjaya membendung potensi disruptif kesatuan sekerja dan mengarahkan aktiviti mereka ke dalam saluran yang boleh diterima yang tidak mencabar struktur kuasa asas. Ini mencerminkan strategi hegemoni yang dikenal pasti oleh Gramsci, di mana pembangkangan dibenarkan dalam had tertentu tetapi struktur asas dominasi kekal tidak berubah.

Ramasamy dan Rowley (2009) dalam analisis mereka tentang kesatuan sekerja di Malaysia menyoroti kompleksiti sistem negara-majikan di mana kesatuan beroperasi, menunjukkan bagaimana undang-undang yang mengehadkan seperti Akta Kesatuan Sekerja telah menyempitkan aktiviti kesatuan kepada isu upah dan kebajikan sambil menghalang penglibatan politik yang lebih luas. Ini adalah contoh sempurna strategi hegemoni yang mengarahkan pembangkangan ke dalam saluran yang boleh dikawal dan tidak mengancam struktur kuasa asas.

Dalam teori Gramsci, hegemoni beroperasi tidak hanya melalui paksaan tetapi juga melalui pembentukan persetujuan ideologi dalam masyarakat sivil. Di Malaysia, negara telah berjaya membentuk naratif dominan tentang pembangunan negara dan kestabilan sosial yang menjustifikasikan kawalan ke atas kesatuan sekerja dan mendefinisikan aktivisme buruh yang sesuai. Melalui wacana ini, kesatuan yang “bertanggungjawab” yang bekerjasama dengan kerajaan dan majikan untuk pertumbuhan ekonomi diberi penghargaan, manakala aktivisme buruh yang lebih radikal atau politik distigmakan sebagai mengancam kepentingan nasional.

Gramsci juga menggariskan peranan penting intelektual organik dalam mengekalkan hegemoni atau membina hegemoni tandingan. Dalam konteks Malaysia, kelas profesional dan pentadbiran yang kebanyakannya telah diserap ke dalam projek pembangunan negara telah

membantu mengekalkan hegemoni dengan menyediakan legitimasi intelektual untuk dasar-dasar yang mengehadkan kesatuan. Pada masa yang sama, terdapat kurang intelektual organik yang berkaitan dengan kelas pekerja yang boleh membangunkan wacana tandingan tentang hak pekerja dan transformasi sosial.

Walaupun bagaimanapun, seperti yang ditekankan oleh Gramsci, hegemoni tidak pernah lengkap atau tanpa cabaran. Walaupun struktur hegemonik yang kuat, pekerja terus mengekalkan bentuk-bentuk rintangan, dari tindakan kecil pembangkangan seharian hingga usaha terkoordinasi untuk memperluas had institusi. Seperti yang didokumentasikan dalam kajian Zawawi (2022) tentang pekerja perladangan, walaupun menduduki posisi subordinat, pekerja menunjukkan rintangan melalui ungkapan budaya yang menekankan maruah dan empati, mengkritik eksploitasi mereka secara linguistik dan moral.

Rintangan ini, walaupun sering terhad dan simbolik, mewakili apa yang Gramsci (1971) sebut sebagai “hegemoni tandingan” iaitu usaha oleh kumpulan subordinat untuk mencabar naratif dominan dan membina alternatif kepada tatanan hegemonik sedia ada. Gramsci membezakan antara “perang gerakan” (konfrontasi langsung dengan negara) dan “perang kedudukan” (perjuangan ideologi berpanjangan), dengan yang kedua lebih relevan dalam konteks masyarakat sivil yang maju, gerakan buruh terlibat terutamanya dalam “perang kedudukan”, berusaha secara beransur-ansur untuk mengubah wacana tentang hak pekerja dan keadilan sosial walaupun berhadapan dengan kekangan institusi.

Analisis Gramscian juga menunjuk kepada kepentingan membina institusi tandingan sebelum mencuba untuk mengambil alih kuasa negara. Dalam konteks Malaysia, gerakan buruh masih menghadapi cabaran untuk membina institusi tandingan yang boleh menawarkan wacana dan praktik alternatif mengenai organisasi ekonomi dan sosial. Namun, usaha berterusan oleh kesatuan sekerja dan kumpulan buruh untuk memperluas ruang autonomi dan mengubah wacana tentang hak pekerja mewakili langkah-langkah ke arah pembentukan hegemoni tandingan, walaupun dalam skala yang terhad.

Implikasi Institusionalisasi terhadap Keberkesanan Kesatuan Sekerja

Proses institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia telah menghasilkan beberapa implikasi penting untuk keberkesanan kesatuan dalam mewakili kepentingan pekerja. Pertama, institusionalisasi telah menghasilkan struktur kesatuan yang sangat terfragmentasi dan terkoordinasi, dengan kesatuan terpisah mengikut industri, perusahaan, dan dalam beberapa kes, etnik. Fragmentasi ini melemahkan kuasa kolektif gerakan kesatuan dan membataskan keupayaan mereka untuk menggerakkan solidariti merentas batas sektor atau kaum.

Kedua, institusionalisasi telah menghasilkan birokrasi kesatuan yang sering terpisah dari kepentingan dan kebimbangan pekerja akar umbi. Proses itu telah mewujudkan lapisan pemimpin kesatuan profesional yang lebih selesa berurusan dengan prosedur birokrasi dan rundingan formal daripada menggerakkan tindakan kolektif. Seperti yang dicatat oleh Zawawi (2022), sering terdapat “krisis relevansi” dalam kesatuan, di mana pemimpin kesatuan tidak lagi berkaitan dengan ekonomi moral kehidupan sebenar pekerja.

Ketiga, proses institusionalisasi telah menyempitkan skop aktiviti kesatuan kepada isu-isu tempat kerja yang sempit seperti upah dan syarat kerja, sambil menghalang penglibatan dalam politik yang lebih luas dan perubahan sosial. Ini menjadikan sukar bagi kesatuan untuk menangani isu-isu struktural yang lebih luas yang mempengaruhi kehidupan pekerja, seperti dasar ekonomi makro, liberalisasi pasaran, atau perlindungan sosial. Seperti yang dijelaskan oleh Ramasamy dan Rowley (2009), undang-undang yang mengehadkan seperti Akta Kesatuan Sekerja telah menyempitkan aktiviti kesatuan kepada isu upah dan kebajikan sambil menghalang penglibatan politik yang lebih luas.

Keempat, institusionalisasi telah mengakibatkan pengurangan ketara dalam militansi kesatuan dan kesedaran kelas di kalangan pekerja. Dengan menghadkan skop aktiviti kesatuan melalui rangka kerja perundangan yang ketat dan mekanisme birokrasi, negara telah berjaya menukarkan kesatuan daripada organisasi perjuangan kelas kepada agensi pengantaraan dalam sistem hubungan industri yang terkawal. Ini telah melemahkan keupayaan kesatuan untuk membina identiti kolektif berasaskan kelas yang melampaui perbezaan etnik, agama, atau sektor.

Kelima, institusionalisasi telah menyebabkan pengecualian segmen besar tenaga kerja daripada perwakilan kesatuan yang berkesan. Dengan menggalakkan kesatuan perniagaan dan menghadkan skop kesatuan industri, sistem sedia ada menjadikan sukar bagi pekerja dalam sektor tidak formal, pekerja kontrak, dan pekerja migran untuk mengakses perlindungan kesatuan. Ini telah menghasilkan jurang perwakilan yang besar di mana pekerja yang paling terdedah kepada eksploitasi sering kekurangan suara kolektif untuk membela kepentingan mereka.

Akhir sekali, institusionalisasi telah menyumbang kepada penurunan jangka panjang dalam keanggotaan dan pengaruh kesatuan. Dengan mewujudkan halangan prosedur untuk pembentukan kesatuan dan dengan menghadkan keupayaan mereka untuk bertindak dengan berkesan bagi pihak pekerja, rangka kerja institusi telah mengurangkan insentif untuk keahlian kesatuan. Hasilnya adalah gerakan kesatuan yang semakin kecil dan kurang berpengaruh yang menghadapi kesukaran untuk memberi tekanan yang berkesan kepada majikan atau kerajaan.

Walau bagaimanapun, penting untuk mengakui bahawa walaupun terdapat sekatan ini, kesatuan sekerja di Malaysia terus memainkan peranan penting dalam melindungi hak pekerja dan memberi suara kepada kebimbangan mereka. Dalam kerangka institusi yang dihadkan, kesatuan telah mencari cara kreatif untuk menavigasi sistem dan mencapai kemenangan inkremental untuk ahli mereka. Dalam beberapa kes, mereka juga telah berjaya membentuk aliansi dengan kumpulan masyarakat sivil lain untuk menangani isu-isu yang melampaui hubungan industri sempit, seperti keperluan pekerja asing, pekerja wanita, atau kesan globalisasi.

KESIMPULAN

Analisis institusionalisasi kesatuan sekerja Malaysia melalui lensa hegemoni Gramscian tidak hanya mendokumentasikan kawalan negara terhadap gerakan buruh, tetapi mendedahkan ruang-ruang berlawanan yang terselindung di mana pekerja, walaupun dikekang secara

struktural, terus mempertahankan autonomi moral dan budaya yang membayangkan kemungkinan tatanan sosial alternatif.

Kajian ini telah menganalisis proses institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia dari perspektif sejarah, dengan memberi tumpuan pada dinamik hegemoni dan rintangan yang telah membentuk perkembangan gerakan buruh. Dengan menggunakan kerangka teori hegemoni Gramsci, kajian ini telah menunjukkan bagaimana negara, bermula dari pentadbiran kolonial hingga pasca-merdeka, telah menggunakan pelbagai mekanisme untuk mengawal dan mengintegrasikan kesatuan sekerja ke dalam struktur hegemonik yang lebih luas, sambil gerakan buruh terus mencari ruang untuk rintangan dan autonomi.

Analisis sejarah menunjukkan bahawa institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia telah berlaku melalui tiga fasa utama. Pertama, zaman kolonial British meletakkan asas untuk struktur buruh berasaskan kaum dan sistem kawalan yang akan membentuk trajektori perkembangan kesatuan sekerja selepas itu. Kedua, tempoh Darurat (1948-1960) menandakan fasa kritikal di mana kerajaan kolonial menggunakan campuran undang-undang paksaan dan insentif untuk “menjinakkan” kesatuan dan mengubah mereka daripada organisasi perjuangan kelas yang berpotensi kepada rakan dalam pembangunan ekonomi pasca-kolonial. Ketiga, era pasca-merdeka menyaksikan pengukuhan dan pengembangan rangka kerja yang memasukkan kesatuan ke dalam struktur negara moden dan sistem hubungan industri yang semakin birokratik.

Kajian ini telah mengenal pasti tiga mekanisme hegemonik utama yang digunakan untuk menginstitusikan kesatuan sekerja: kawalan perundangan melalui undang-undang seperti Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan; kawalan birokrasi melalui agensi-agensi seperti Jabatan Kesatuan Sekerja dan Mahkamah Perusahaan; dan kawalan ideologi melalui wacana pembangunan negara dan kestabilan sosial. Mekanisme-mekanisme ini telah beroperasi secara bersepadu untuk membentuk model kesatuan yang “bertanggungjawab” yang beroperasi dalam parameter yang ditentukan oleh negara dan tidak mencabar struktur kuasa asas.

Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendedahkan pelbagai bentuk rintangan yang telah ditunjukkan oleh pekerja dan kesatuan mereka. Rintangan ini merangkumi tindakan industri kolektif seperti mogok dan protes, penggunaan saluran institusi dan perundangan, kerjasama politik dengan parti-parti pembangkang, dan bentuk-bentuk rintangan budaya dan simbolik seperti yang didokumentasikan oleh Zawawi Ibrahim dalam kajiannya tentang masyarakat perladangan. Bentuk-bentuk rintangan ini, walaupun sering terhad dalam keberkesanannya, menunjukkan bahawa hegemoni negara tidak pernah lengkap atau tanpa cabaran.

Kajian ini juga telah menyoroti legasi kolonial yang mendalam dalam membentuk struktur dan dinamik perhubungan industri kontemporari di Malaysia. Rangka kerja perundangan dan institusi yang mengawal kesatuan hari ini mempunyai akar langsung dalam strategi kolonial untuk mengawal tenaga kerja dan mengekalkan kestabilan sosial. Begitu juga, pembahagian buruh berasaskan kaum yang dibentuk pada zaman kolonial terus mempengaruhi corak pembangunan kesatuan, dengan implikasi penting untuk solidariti pekerja dan identiti kelas.

Analisis melalui lensa teori hegemoni Gramsci telah menyediakan pandangan penting tentang bagaimana kawalan ke atas kesatuan sekerja beroperasi bukan sahaja melalui paksaan tetapi

juga melalui pembentukan persetujuan ideologi. Dengan memanipulasi wacana tentang pembangunan negara, kestabilan sosial, dan unionism yang “bertanggungjawab”, negara telah berjaya menjustifikasikan sekatan ke atas aktiviti kesatuan dan mendorong model korporatist yang memberi keutamaan kepada kerjasama daripada konflik kelas. Pada masa yang sama, usaha pekerja untuk menggunakan nilai-nilai budaya seperti maruah dan timbang rasa sebagai asas moral untuk mengkritik eksploitasi mewakili bentuk “hegemoni tandingan” yang mencabar naratif dominan.

Akhirnya, kajian ini telah menilai implikasi proses institusionalisasi terhadap keberkesanan kesatuan sekerja sebagai perwakilan pekerja. Implikasi-implikasi ini termasuk fragmentasi struktur kesatuan, pemisahan antara birokrasi kesatuan dan keprihatinan pekerja akar umbi, sekatan terhadap penglibatan politik, pengurangan dalam militansi kesatuan dan kesedaran kelas, dan pengecualian segmen besar tenaga kerja daripada perwakilan yang berkesan. Akibatnya, walaupun kesatuan sekerja terus memainkan peranan penting dalam melindungi hak pekerja, keupayaan mereka untuk bertindak sebagai agen perubahan sosial dan politik telah terjejas dengan ketara.

Kesimpulannya, kajian institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia melalui lensa hegemoni dan rintangan menyerlahkan perjuangan berterusan antara kawalan negara dan autonomi pekerja yang membentuk lanskap perhubungan industri. Dengan memahami dinamik ini, kita boleh lebih menghargai bukan sahaja cabaran yang dihadapi oleh gerakan buruh Malaysia, tetapi juga potensi untuk pembaharuan dan pembaharuan semula yang wujud dalam ketegangan produktif antara institusi dan aktivisme, struktur dan agensi, hegemoni dan rintangan.

Penemuan kajian ini mempunyai implikasi penting untuk dasar dan amalan. Ia mencadangkan keperluan untuk reformasi institusi yang dapat mengimbangi dengan lebih baik kepentingan negara dalam pembangunan ekonomi dengan hak pekerja untuk perwakilan berkesan. Ia juga menyerlahkan kepentingan mengiktiraf dan menyokong pelbagai bentuk organisasi dan rintangan pekerja yang wujud di luar struktur kesatuan tradisional. Ketika Malaysia terus menavigasi cabaran globalisasi dan perubahan teknologi, memahami akar sejarah dan dinamik kontemporari perhubungan buruh menjadi semakin penting untuk membina masa depan yang lebih saksama dan mampan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada sidang editor AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia atas sokongan dan bimbingan yang diberikan sepanjang proses penerbitan artikel ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh semua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Aljunied, K. (2024). *PERJUANGAN: Malaysia's forgotten struggles for freedom*. Cendekia.
- Durrishah Idrus, & Abd Rahman Tamuri. (2022). *Perkembangan dan isu-isu kesatuan sekerja di Malaysia*. Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja & Persatuan Kakitangan Akademik UTM.
- Gomez, E. T., & Jomo, K. S. (1999). *Malaysia's political economy: Politics, patronage and profits* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Gramsci, A. (1971). *Selections from the prison notebooks* (Q. Hoare & G. Nowell Smith, Eds. & Trans.). Lawrence and Wishart.
- Gunn, S., & Faire, L. (Eds.). (2012). *Research methods for history*. Edinburgh University Press.
- Heritage, M., & Potter, L. (2007). *Classroom assessment for learning*. Prentice Hall.
- Jomo, K. S., & Todd, P. (1994). *Trade unions and the state in Peninsular Malaysia*. Oxford University Press.
- Khoo, B. T. (2006). Malaysia: Balancing development and power. In G. Rodan, K. Hewison, & R. Robison (Eds.), *The political economy of South-East Asia: Markets, power and contestation* (3rd ed., pp. 170–196). Oxford University Press.
- Knapman, G. (2017). *Race and British colonialism in South-East Asia, 1770–1870: John Crawford and the politics of equality*. Routledge.
- Knapman, G. (2021). *Race and British colonialism in South-East Asia, 1770–1870*. Routledge.
- Mohamed Salleh Lamry. (2017). *Gerakan kiri Melayu dalam perjuangan kemerdekaan* (Cetakan ketiga). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhd. Yusof Ibrahim. (2016). *Ilmu sejarah: Falsafah, pengertian, kaedah dan pensejarahan* (Edisi ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor, F. A., & Carey, P. (2021). *Racial difference and the colonial wars of 19th century Southeast Asia*. Springer.

- Ramasamy, N., & Rowley, C. (2009). Trade unions in Malaysia: Complexity of a state-employer system. In J. Benson & Y. Zhu (Eds.), *Trade unions in Asia: An economic and sociological analysis* (pp. 120–136). Routledge.
- Weiss, M. L. (2006). *Protest and possibilities: Civil society and coalitions for political change in Malaysia*. Stanford University Press.
- Zawawi Ibrahim. (2022). *The Malay labourer: By the window of capitalism*. Strategic Information and Research Development Centre.
- Zhu, Y., & Benson, J. (2009). *Trade unions in Asia: A comparative analysis*. Routledge.